

13/03/1998

Hubungan erat dikekalkan

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA, Khamis - Pemimpin Asia menyatakan sokongan untuk terus mengadakan hubungan erat dengan Indonesia selepas Suharto dipilih semula sebagai presiden bagi tempoh 1998-2003, semalam.

Mereka turut yakin Indonesia dengan kepemimpinan Suharto dapat menangani krisis ekonomi negara itu.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah antara pemimpin dunia yang menghantar ucapan tahniah dan selamat kepada Suharto atas pemilihan semulanya itu.

Seri Paduka menyampaikan salam takzim dan setinggi-tinggi tahniah kepada Suharto atas pemilihannya sebagai presiden bagi penggal ketujuh.

Dr Mahathir berharap hubungan erat di antara kedua-dua negara dapat diteruskan.

Beliau berharap Malaysia dan Indonesia dapat bekerjasama dan meningkatkan usaha untuk menghadapi pelbagai cabaran dengan tabah.

Turut menghantar ucapan selamat ialah Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang yakin Suharto dapat mencari jalan keluar bagi rakyat Indonesia untuk mengatasi krisis ekonomi sekarang.

Perdana Menteri India, I K Gujral, gembira dengan pemilihan semula Suharto sebagai presiden.

Katanya, India dan Indonesia mempunyai hubungan persahabatan dan kerjasama erat dan ini boleh dipertingkatkan pada masa akan datang.

Presiden Filipina, Fidel Ramos, juga menyampaikan ucapan selamat kepada Suharto dan yakin beliau dapat memulihkan ekonomi yang dihadapi oleh Indonesia.

Presiden China, Jiang Zemin, dalam ucap selamatnya, yakin Suharto mampu mengatasi krisis ekonomi yang dihadapi.

Menurutnya, pemerintahan lebih 30 tahun membuktikan kemampuannya memimpin bangsa Indonesia mencapai pembangunan ekonomi dan menikmati taraf hidup lebih baik.

(END)